



JKR NEGERI JOHOR
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

JKRJ/SH/NEG/BGN/5/2023

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DI BANGUNAN UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN
ASET JKR JOHOR**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Johor** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil JCCD, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G2** Kategori **B ME** Pengkhususan **B04 & E11**
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.
3. Kontraktor dikehendaki membuat semakan kelayakan melalui pautan <http://s3pk.johor.gov.my/IklanDetails.aspx?refNo=PRO230518102446173> atau melalui imbasan QR Kod di bawah bermula dari tarikh **18/05/2023** bermula jam **12:00 tengah malam** sehingga **24/05/2023** jam **11:45 malam** sahaja. Hanya kontraktor yang layak sahaja akan diberikan maklumat pembayaran.
4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: LIMA PULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **24/05/2023** jam **11:45 malam**. Kontraktor hendaklah memuatnaik slip bayaran dalam ruangan yang disediakan.
5. Emel pengesahan bayaran berserta no siri unik akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun dari laman sesawang S3PK, bermula dari **25/05/2023** sehingga **28/05/2023** setelah menerima emel pengesahan bayaran.
6. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR NEGERI JOHOR** di Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Pejabat Pengarah Kerja Raya Johor Aras 4-5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak 79582 Kota Iskandar Johor **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 tengah hari, hari ISNIN, 29/05/2023**.
7. Sebarang pertanyaan sila emel ke **ubjkrj.s3pk@johor.gov.my** atau **ariffin5151@gmail.com**



HJH. SALINA BINTI ABD. WAHAB
Juruukur Bahan Kanan
18/05/2023